



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 66  
No. 27

**7hb Julai 2022**

*TAMBAHAN No. 13  
PERUNDANGAN*

---

**Pg. P.U. 21.**

## ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI PULAU PINANG) 2020

PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2022

---

### SUSUNAN PERATURAN

---

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

Peraturan

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

#### BAHAGIAN II

#### PELESENAN DAN PENDAFTARAN LADANG UNGGAS

3. Permohonan lesen

Peraturan

4. Pengeluaran lesen
5. Tempoh lesen
6. Mematuhi syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen
7. Fi
8. Pindah milik lesen
9. Membaharui lesen
10. Pendaftaran premis

### BAHAGIAN III

#### PENYERAHAN LAPORAN TAHUNAN

11. Penyerahan laporan tahunan
12. Rekod ladang unggas

### BAHAGIAN IV

#### KEHENDAK-KEHENDAK AM LADANG UNGGAS

13. Kawalan penyakit
14. Memagar ladang unggas
15. Akses ke ladang unggas
16. Pengubahsuaian, pembesaran dan penambahan
17. Pelupusan haiwan yang mati dan bahan-bahan buangan ladang unggas
18. Larangan penyembelihan
19. Barang yang dilarang
20. Haiwan yang dilarang
21. Larangan menggunakan sisa buangan sebagai makanan unggas
22. Larangan bagi sisa unggas yang tidak diolah
23. Efluen disalur melalui talian paip atau parit konkrit
24. Kawalan makhluk perosak dan lalat
25. Kawalan vektor

---

Peraturan

26. Kawalan bau
27. Kawalan habuk
28. Suci hama

**BAHAGIAN V**

PELAN SUSUN ATUR LADANG UNGGAS

29. Kehendak-kehendak pelan susun atur
30. Sistem reban tertutup
31. Sistem Penternakan Moden
32. Pembatalan pelan susun atur yang diluluskan
33. Zon penampan ladang unggas
34. Pelepasan efluen
35. Sistem pengurusan dan rawatan efluen
36. Peraturan piawaian menganalisis efluen
37. Had parameter efluen yang dilepaskan ke dalam pengairan daratan
38. Pelupusan sisa
39. Pengkompaunan kesalahan

**BAHAGIAN VI**

KUASA PENGARAH

40. Kuasa Pengarah untuk memberi arahan

**BAHAGIAN VII**

PELBAGAI

41. Pengecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

---

**ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2020**

**PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2022**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 52 Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 [*Enakmen 23*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Alat Pengesan Tahap Gas” ertinya alat pengesan bau atau peralatan lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Pengarah;

“Amalan Ladang Penternakan Yang Baik (GAHP)” mempunyai makna yang sama yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020;

“Ayam kampung *colored broiler*” ertinya ayam daging warna dan kacukannya, dan termasuklah kacukan yang melibatkan ayam daging atau ayam penelur komersil;

“Ayam kampung Malaysia” ertinya ayam kampung yang diternak di negara ini yang mempunyai susur galur ayam kampung dan bukannya ayam pedaging atau penelur yang telah didaftar di mana-mana negara;

“biosekuriti” ertinya langkah-langkah kumulatif yang diambil bagi menghalang apa-apa jenis penyakit disebabkan virus, bakteria, kulat, protozoa, parasit dan lain-lain daripada masuk ke dalam ladang unggas dan mencegah penularan penyakit oleh unggas, serangga, tikus, burung liar, haiwan termasuk haiwan liar, manusia, peralatan dan kenderaan dari ladang unggas yang dijangkiti ke ladang-ladang berhampiran;

---

“efluen” ertinya kumbahan yang mengandungi bahan dari tubuh manusia, haiwan atau bahan sebatian dalam bentuk terampai atau larutan, dan termasuk cecair yang mengandungi bahan kimia dalam larutan dan segala sisa dari ladang unggas;

“efluen cecair” ertinya apa-apa kumbahan dalam bentuk cecair yang terhasil daripada mana-mana aktiviti perladangan unggas di dalam ladang;

“efluen pepejal” ertinya apa-apa kumbahan dalam bentuk pepejal yang terhasil daripada mana-mana aktiviti perladangan unggas di dalam ladang;

“Enakmen” ertinya Enakmen Perladangan Uggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 [*Enakmen 23*];

“habuk” ertinya bahan-bahan halus termasuk bulu dan debu yang berterbangan berpunca dari ladang unggas;

“haiwan” ertinya apa-apa haiwan lain yang tidak diternak di ladang unggas;

“kawasan hijau” ertinya mana-mana kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan larangan penternakan unggas seperti yang dinyatakan di bawah subperaturan 29(e) Peraturan-Peraturan ini;

“Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling” mempunyai makna yang sama yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*];

“ladang unggas” mempunyai makna yang sama yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“larva” ertinya peringkat kitaran hidup lalat di antara telur dan pupa;

“lesen” mempunyai makna yang sama yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“makhluk perosak” ertinya apa-apa haiwan yang boleh merosakkan, memusnahkan, mendatangkan kecederaan fizikal atau penyakit atau menyebabkan kematian kepada unggas;

“parameter” ertinya had pelepasan efluen yang ditunjukkan dalam Jadual Ketiga atau lain-lain had yang boleh ditentukan oleh Pengarah dari semasa ke semasa;

“pegawai pelesen” ertinya pegawai yang bertanggungjawab untuk menandatangani lesen, iaitu Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang atau mana-mana pegawai diberi kuasa yang ditentukan oleh Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang secara bertulis;

“pembiasaan” mempunyai makna yang sama yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“pemunya” mempunyai makna yang sama yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“pengairan daratan” termasuk apa-apa takungan air, kolam, tasik, sungai, anak sungai, tali air, parit, mata air atau telaga, mana-mana bahagian laut yang bersempadan pantai pasang surut dan mana-mana kumpulan air di permukaan atau di bawah permukaan bumi, sama ada semula jadi atau buatan;

“Pengarah” mempunyai makna yang sama yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“populasi” ertinya jumlah keseluruhan unggas yang terdapat di dalam sesuatu ladang unggas;

“premis” ertinya ladang unggas dan loji yang didaftarkan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan diberi nombor pengenalan khas bagi tujuan penandaan;

“reban” ertinya mana-mana bangunan atau kurungan yang dijadikan tempat untuk menyimpan unggas;

“ruang pemeliharaan” ertinya suatu kawasan dalam meter persegi yang ditentukan oleh Pengarah di mana pemeliharaan unggas akan dijalankan atau dicadangkan untuk dijalankan;

“rumput” termasuk semua jenis rumput, rumpai, pokok renek dan lain-lain pokok tetapi tidak termasuk pokok yang ditanam bagi tujuan penampakan dan penambahan pendapatan;

“*Scudder Fly Grill*” ertinya alat yang digunakan untuk mengukur infestasi lalat di ladang;

“sisa unggas” mempunyai makna yang sama yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“sisa buangan” ertinya apa-apa lebihan makanan atau buangan daripada makanan manusia, unggas, lembu, kerbau, rusa, kambing, biri-biri, kucing, anjing dan haiwan lain yang boleh memudaratkan unggas;

“sistem pengolahan sisa” ertinya apa-apa kemudahan bagi mengolah efluen supaya tidak, atau berkurangan kemampuannya untuk menyebabkan pencemaran, dan termasuklah segala struktur, peralatan, kelengkapan yang dimaksudkan bagi mengumpul, membawa dan mengepamnya;

“suci hama” ertinya perbuatan memusnahkan mikroorganisma yang boleh menyebabkan penyakit dengan menggunakan bahan kimia dan fizikal;

“unggas hiasan” ertinya mana-mana unggas yang dipelihara sebagai hobi secara kecil-kecilan termasuklah ayam hiasan, ayam piru, burung merpati, burung unta, burung emu, burung merak, ayam laga dan unggas-unggas lain yang ditentukan oleh Pengarah; dan

“vektor” ertinya sejenis agen mudah alih yang menyebar, membawa ataupun memindahkan satu patogen (virus) daripada perumah manusia ataupun haiwan, kepada nyamuk, lalat, pepijat, kutu, hama atau mana-mana serangga yang lain.

## BAHAGIAN II

### PELESENAN DAN PENDAFTARAN LADANG UNGGAS

#### **Permohonan lesen**

3. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen penternakan unggas hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang A dalam Jadual Pertama dan hendaklah diserahkan kepada Pengarah.

(2) Jika apa-apa maklumat, butir-butir atau dokumen tambahan seperti yang dikehendaki dalam Borang A tidak dikemukakan oleh pemohon, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik oleh pemohon tanpa menjelaskan hak pemohon itu untuk membuat suatu permohonan baru.

(3) Bayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan dalam peraturan 7 semasa permohonan dikemukakan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan.

#### **Pengeluaran lesen**

4. (1) Apabila permohonan diluluskan, pegawai pelesen hendaklah mengeluarkan lesen, tertakluk kepada—

- (a) pembayaran fi telah dibuat seperti ditetapkan di peraturan 7; dan
- (b) mematuhi kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan dalam lesen itu.

(2) Lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah hendaklah sepetimana Borang B dalam Jadual Pertama.

#### **Tempoh lesen**

5. Tempoh sesuatu lesen yang dikeluarkan atau diperbaharui di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

#### **Mematuhi syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen**

6. Pemegang lesen hendaklah mematuhi semua syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas lesen.

#### **Fi**

7. (1) Fi

- |                                |         |
|--------------------------------|---------|
| (a) Borang                     | RM5.00  |
| (b) Fi proses                  | RM50.00 |
| (c) Fi salinan lesen diperakui | RM50.00 |

(2) Fi setahun hendaklah dikenakan mengikut populasi unggas seperti berikut:

(a) 1 ekor hingga 500 ekor	Percuma
(b) 501 ekor hingga 5000 ekor	RM50.00
(c) 5001 ekor hingga 10,000 ekor	RM100.00
(d) 10,001 ekor hingga 15,000 ekor	RM200.00
(e) 15,001 ekor hingga 20,000 ekor	RM300.00
(f) 20,001 ekor hingga 25,000 ekor	RM400.00
(g) 25,001 ekor dan ke atas	RM500.00

(3) Semua fi hendaklah dibayar dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja selepas notis pembayaran dikeluarkan.

(4) Jika pemohon gagal membayar fi dalam tempoh yang telah ditetapkan sebagaimana dalam notis pembayaran itu, lesen hendaklah dibatalkan.

### **Pindah milik lesen**

8. (1) Sepanjang tempoh sah laku sesuatu lesen, Pengarah boleh, atas permohonan pemegang lesen, membenarkan pemindahan sesuatu lesen kepada mana-mana orang, pertubuhan, perbadanan atau entiti-entiti lain yang dinamakan oleh pemegang lesen.

(2) Lesen yang telah dipindah milik boleh diperakui untuk pembaharuan tahunan mengikut budi bicara Pengarah.

(3) Fi bagi pindah milik lesen ialah RM50.00.

### **Membaharui lesen**

9. (1) Permohonan untuk membaharui lesen hendaklah dikemukakan kepada pegawai pelesen dalam tempoh tidak kurang daripada tiga (3) bulan sebelum tamat tarikh lesen semasa.

(2) Permohonan untuk membaharui lesen hendaklah dibuat seperti yang ditetapkan dalam peraturan 3.

(3) Bayaran fi sebanyak dua kali ganda daripada fi yang dinyatakan dalam peraturan 7 hendaklah dikenakan bagi permohonan pembaharuan lesen yang dibuat kurang daripada tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh tempoh lesen atau yang dibuat selepas tamat tempoh lesen.

---

(4) Pegawai pelesen boleh tidak membaharui lesen di bawah peraturan ini jika pemegang lesen—

- (a) telah secara berulang kali atau berterusan melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini atau di bawah Enakmen atau melanggar syarat-syarat lesen; atau
- (b) didapati bersalah dan disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini atau di bawah Enakmen.

(5) Keputusan pegawai pelesen untuk tidak membaharui lesen boleh dirayu kepada Pihak Berkuasa Negeri dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad.

(6) Rayuan di bawah subperaturan (4) hendaklah dibuat melalui pegawai pelesen dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari pemberitahuan keputusan itu untuk dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam satu tempoh yang munasabah.

(7) Subperaturan (3) hendaklah terpakai jika Pihak Berkuasa Negeri membenarkan rayuan itu.

#### **Pendaftaran premis**

10. (1) Mana-mana pemegang lesen yang menjalankan perladangan unggas hendaklah memohon pendaftaran premis daripada Pengarah.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah menggunakan Borang G dalam Jadual Pertama.

(3) Apabila suatu pendaftaran dibuat, Pengarah hendaklah mengeluarkan perakuan pendaftaran premis dan tanda pengenalan premis.

(4) Perakuan pendaftaran premis hendaklah menggunakan Borang H dalam Jadual Pertama.

(5) Pendaftaran premis hendaklah terbatal jika lesen telah dipindah milik, diserah hak atau diuruskan secara lain.

(6) Tertakluk kepada subperaturan (5), mana-mana orang lain yang mengambil alih lesen hendaklah membuat permohonan pendaftaran baru untuk premis itu.

(7) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan perakuan pendaftaran premis dan tanda pengenalan premis di pintu masuk ladang atau di satu tempat yang mudah dilihat dalam ladang unggas yang telah didaftarkan.

**BAHAGIAN III****PENYERAHAN LAPORAN TAHUNAN****Penyerahan laporan tahunan**

11. (1) Pemegang lesen hendaklah menyerahkan laporan tahunan dengan menggunakan Borang E dalam Jadual Pertama bersama dengan pelan susun atur baru, jika ada, mengenai permohonan untuk pengubahsuaian, pembesaran dan penambahan atau kerja-kerja yang berkaitan dengan ruang pemeliharaan unggas, kemudahan dan sistem kumbahan dan pengolahan sisa.

(2) Laporan tahunan hendaklah diserahkan kepada Pengarah atau pegawai peleson semasa permohonan lesen.

(3) Pengarah boleh mengikut budi bicaranya membatalkan lesen itu jika pemegang lesen gagal menyerahkan laporan tahunan itu.

**Rekod ladang unggas**

12. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan rekod ladang yang lengkap yang mengandungi maklumat seperti ditetapkan dalam Borang F Jadual Pertama.

(2) Rekod itu hendaklah diselenggara dengan baik dan dikemas kini dari semasa ke semasa.

**BAHAGIAN IV****KEHENDAK-KEHENDAK AM LADANG UNGGAS****Kawalan penyakit**

13. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan dan melaksanakan program pemvaksinan unggas dan hendaklah merekodkan pemberian ubat atau vaksin apabila program dilaksanakan.

(2) Bagi maksud peraturan ini, hanya vaksin yang sesuai dan diluluskan oleh Kerajaan sahaja boleh digunakan di ladang.

(3) Pemegang lesen hendaklah memantau status penyakit di ladang unggas mengikut jadual dan menyimpan rekod pemantauan penyakit yang lengkap dan dikemas kini.

(4) Jika berlaku wabak atau serangan penyakit di ladang, pemegang lesen hendaklah dengan serta merta mengambil langkah yang munasabah dan melaporkan kepada Pengarah atau membuat kawalan dan pencegahan sebagaimana yang diarahkan oleh Pengarah.

**Memagar ladang unggas**

14. Semua ladang unggas hendaklah dipagar sepenuhnya untuk menghalang kemasukan haiwan atau makhluk perosak dan menghalang ternakan di dalam ladang unggas terlepas keluar.

**Akses ke ladang unggas**

15. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, hanya satu akses kenderaan ke ladang unggas dibenarkan.

(2) Walau apapun subperaturan (1), Pengarah boleh, atas apa-apa sebab yang difikirkan patut, membenarkan lebih daripada satu akses kenderaan ke ladang unggas.

(3) Akses ke ladang unggas hendaklah dilengkapi biosekuriti—

- (i) kemudahan suci hama iaitu dengan menggunakan pencelup kaki, pencelup tayar kenderaan dan penyembur kenderaan; dan
- (ii) sistem kawalan keselamatan di pintu masuk ladang unggas dengan ketinggian pintu masuk yang bersesuaian bagi mengawal keluar masuk kenderaan dan orang awam ke kawasan ladang.

**Pengubahsuaian, pembesaran dan penambahan**

16. Pengubahsuaian, pembesaran, penambahan atau kerja-kerja yang berkaitan dengan ladang unggas tidak boleh dibenarkan, melainkan jika diluluskan oleh Pengarah atas suatu permohonan.

**Pelupusan haiwan yang mati dan bahan-bahan buangan ladang unggas**

17. (1) Semua haiwan yang mati dan karkas atau bahagiannya hendaklah—

- (a) dilupuskan dengan cara dibakar secara tertutup; atau
- (b) ditanam di dalam ladang atau di mana-mana tempat yang diluluskan oleh Pengarah.

(2) Bahan-bahan buangan ladang unggas hendaklah dilupuskan menurut apa-apa garis panduan yang ditentukan oleh Pengarah.

**Larangan penyembelihan**

18. (1) Tiada seorang pun dibenarkan untuk menyembelih unggas di dalam ladang unggas.

(2) Semua aktiviti penyembelihan hendaklah dijalankan di rumah sembelih unggas yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau di rumah sembelihan yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Barang yang dilarang**

19. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, pemegang lesen tidak boleh menggunakan sebarang bahan kimia dan ubat terlarang sepetimana ditetapkan dalam—

- (a) Akta Racun 1952 [*Akta 366*];
- (b) Akta Makanan 1983 [*Akta 281*];
- (c) Akta Makanan Haiwan 2009 [*Akta 698*]; atau
- (d) Jadual Keempat Peraturan-Peraturan ini.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 22 Enakmen.

(3) Penggunaan mana-mana bahan kimia kawalan sepetimana dinyatakan di bawah Akta Racun 1952 [*Akta 366*] atau peraturan yang dibuat di bawahnya hendaklah disimpan di dalam tempat berkunci, dan direkodkan penggunaannya.

(4) Pemegang lesen boleh menyimpan apa-apa ubat pada kuantiti menurut keperluan sebenar bagi apa-apa kegunaan dalam sesuatu tempoh masa sebelum tarikh luputnya.

(5) Pemegang lesen hendaklah—

- (a) melupuskan apa-apa buangan ubat, racun dan bahan kimia mengikut peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya; dan
- (b) memastikan unggas dan karkas yang diproses untuk makanan tidak melebihi kadar maksimum residu dibenarkan mengikut peruntukan Akta Makanan 1983 [*Akta 281*] dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

**Haiwan yang dilarang**

20. (1) Semua haiwan selain unggas hendaklah tidak dibenarkan dipelihara di ladang unggas.

(2) Walau apapun subperaturan (1), anjing boleh dipelihara bagi tujuan kawalan keselamatan di dalam ladang unggas.

**Larangan menggunakan sisa buangan sebagai makanan unggas**

21. Pemegang lesen hendaklah tidak membenarkan sisa buangan dibawa masuk ke dalam ladang unggas untuk dijadikan makanan unggas.

**Larangan bagi sisa unggas yang tidak diolah**

22. Pemegang lesen hendaklah tidak membenarkan sisa unggas yang tidak diolah untuk dilepaskan ke dalam pengairan daratan.

**Efluen disalur melalui talian paip atau parit konkrit**

23. Pemegang lesen hendaklah—

- (a) memastikan semua efluen dalam reban tertutup disalur melalui saluran paip atau parit konkrit; dan
- (b) mengadakan penyelenggaraan serta pembersihan berjadual saluran paip atau parit konkrit sebagaimana diarahkan oleh Pengarah.

**Kawalan makhluk perosak dan lalat**

24. (1) Pemegang lesen hendaklah mengadakan satu sistem kawalan makhluk perosak yang berkesan di kawasan ladang unggas.

(2) Pemegang lesen hendaklah dilarang menanam apa-apa pokok di dalam kawasan ladang unggas dan apa-apa tanaman lain yang menggalakkan kehadiran haiwan dan kelawar.

(3) Pemegang lesen hendaklah—

- (a) bertanggungjawab untuk memastikan indeks lalat tidak melebihi tahap piawaian yang ditetapkan iaitu tidak melebihi sepuluh (10) ekor selama tiga puluh (30) saat dengan menggunakan *Scudder Fly Grill* berukuran 24 inci x 24 inci dan mengadakan langkah-langkah kawalan dengan segera jika indeks lalat melebihi tahap piawaian ditetapkan;
- (b) memastikan apa-apa najis unggas sentiasa dalam keadaan kering bagi memastikan tiada larva di mana-mana kawasan ladang; dan
- (c) memastikan pembuangan najis dilakukan dengan cara yang baik bagi mengelak najis terdedah kepada unsur-unsur cuaca dan membriak lalat.

**Kawalan Vektor**

25. Bagi maksud langkah kawalan vektor, pemegang lesen hendaklah memastikan—

- (a) kebersihan persekitaran dan ladang unggas sentiasa berada pada tahap yang memuaskan;
- (b) tiada sampah sarap yang dibiarkan bertaburan di sekitar ladang unggas;

- (c) longkang dibina dengan sempurna dan berfungsi dengan perparitan bersambung dan diselenggara;
- (d) tangki air sentiasa bertutup;
- (e) tiada takungan air yang boleh menyebabkan nyamuk membiak di reban dan ladang;
- (f) ubat jentik-jentik dimasukkan ke dalam takungan air; dan
- (g) pelaksanaan semburan kabus secara berjadual.

### **Kawalan Bau**

26. (1) Pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah supaya tahap bau di ladang unggas adalah terkawal dan tidak menyebabkan pencemaran udara.

- (2) Bagi maksud subperaturan (1), pemegang lesen hendaklah memastikan—
  - (a) tahap gas ammonia hendaklah di bawah dua puluh (20) bahagian per sejuta (1,000 000) (ppm); dan
  - (b) tahap gas hidrogen sulfida hendaklah di bawah lima (5) (ppm).

(3) Bagi maksud peraturan ini, prosedur bagi mengambil sampel untuk analisa kimia hendaklah menggunakan Alat Pengesan Tahap Gas yang ditentukan oleh Pengarah.

### **Kawalan Habuk**

27. Pemegang lesen hendaklah memastikan—

- (a) habuk dari ladang unggas tidak mencemarkan udara dan mengganggu kesejahteraan awam; dan
- (b) habuk dan sawang di dalam reban adalah di tahap minimum.

### **Suci hama**

28. Pemegang lesen hendaklah memastikan reban dibersihkan dan disuci hama selepas setiap pusingan pengeluaran dan dibiarkan kosong untuk tempoh 10 hingga 14 hari sebelum kumpulan unggas baru dibawa masuk ke dalamnya dan suci hama itu hendaklah direkodkan.

## BAHAGIAN V

### PELAN SUSUN ATUR LADANG UNGGAS

### **Kehendak-kehendak pelan susun atur**

29. Semua ladang unggas hendaklah dibina dan direka bentuk mengikut ketetapan yang dinyatakan dalam Borang A Jadual Pertama seperti berikut:

- (a) Perihal tempat, dimensi dan saiz reban tertutup yang dicadangkan, sistem pengolahan sisa, kolam air dan struktur-struktur lain;

- 
- (b) Kedudukan sempadan tanah yang digunakan bagi maksud kawasan pengeluaran unggas, sistem pengolahan sisa, simpanan air dan mana-mana kawasan lain yang boleh digunakan dalam memberi maklumat mengenai pelan susun atur ladang unggas tersebut;
  - (c) Jarak antara reban-reban tertutup hendaklah tidak kurang daripada empat (4) meter dari cucur atap ke cucur atap bagi ladang unggas baru;
  - (d) Bagi ladang unggas yang sedia ada, jarak hendaklah mengikut topografi atau diluluskan selainnya oleh Pengarah;
  - (e) Jarak minimum kawasan hijau dari cucur atap reban tertutup ke sempadan ladang unggas hendaklah tidak kurang daripada sepuluh (10) meter;
  - (f) Bagi ladang unggas yang sedia ada, jarak hendaklah mengikut keadaan sedia ada atau diluluskan selainnya oleh Pengarah;
  - (g) Penyediaan bekalan simpanan air hendaklah sentiasa mencukupi untuk pengurusan harian ladang unggas;
  - (h) Penyediaan suatu kawasan simpanan untuk sistem pengolahan sisa; dan
  - (i) Tiada penggunaan lantai tanah di dalam reban tertutup.

#### **Sistem reban tertutup**

30. Sistem reban tertutup hendaklah mempunyai spesifikasi seperti berikut:

- (a) Bangunan reban tertutup hendaklah bertutup rapat serta kalis burung liar dan makhluk perosak, kecuali di bahagian untuk udara keluar masuk;
- (b) Pemasangan sistem pengudaraan yang boleh dikawal sama ada menggunakan kipas ekzos atau penyaman udara;
- (c) Penyediaan sistem bekalan elektrik tiga fasa;
- (d) Penyediaan generator untuk membekalkan tenaga elektrik jika bekalan elektrik utama terputus;
- (e) Penyediaan komponen sokongan pengesanan suhu dan kelembapan di dalam reban tertutup;
- (f) Penyediaan sistem amaran kecemasan seperti siren dan loceng;
- (g) Penyediaan peralatan makanan dan minuman jenis automatik atau secara manual;

- (h) Penyediaan kemudahan pencahayaan yang mencukupi di dalam reban tertutup; dan
- (i) Penyediaan panel sistem kawalan automatik jika reban hendak dikendalikan secara automatik.

### Sistem Penternakan Moden

31. (1) Semua ladang unggas hendaklah mematuhi Sistem Penternakan Moden yang mengandungi kriteria-kriteria yang berikut:

- (a) Reban tertutup:
  - (i) Reban yang keseluruhan bahagiannya bertutup rapat kecuali di bahagian untuk udara keluar masuk, di mana pengudaraan, suhu, kecerahan cahaya dan kadar kelembapan di dalam reban dapat dikawal;
- (b) Kumbahan sifar:
  - (i) Sisa buangan di reban tertutup hendaklah dibersihkan setiap satu kitaran pengeluaran dan dibawa ke tempat pengumpulan atau penyimpanan khas yang bertutup;
  - (ii) Tempat pengumpulan dan penyimpanan sisa buangan hendaklah tidak boleh berdekatan dengan punca air dan mana-mana pengairan daratan;
  - (iii) Pelepasan efluen dari ladang unggas hendaklah tidak dibenarkan secara terus ke alur air;
  - (iv) Untuk ladang unggas yang perlu pelepasan, efluen hendaklah disalurkan ke dalam kolam untuk proses pengasingan dan rawatan sebelum dilepaskan dan pelepasan itu hendaklah mematuhi had pelepasan iaitu BOD<sub>5</sub> lima puluh (50) (ppm) seperti yang diperuntukkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]; dan
  - (v) Pengurusan sisa buangan unggas hendaklah mengikut garis panduan sedia ada atau yang ditetapkan oleh Pengarah;
- (c) Zon penampang:
  - (i) Zon yang merupakan jarak garis lurus di antara pagar ladang unggas dengan rumah kediaman awam, sekolah, klinik, tempat beribadat dan lain-lain yang terdapat dalam jarak minima dua ratus (200) meter; dan

- (d) Amalan Ladang Penternakan Yang Baik (GAHP) yang bertujuan untuk mencapai matlamat berikut:
- (i) Keselamatan makanan untuk pengguna;
  - (ii) Industri yang mesra alam;
  - (iii) Kebajikan haiwan terpelihara; dan
  - (iv) Memastikan keselamatan, kesihatan dan keselesaan kepada pekerja ladang dan haiwan.

(2) Pengarah boleh membuat garis panduan yang berhubungan dengan Amalan Ladang Penternakan Yang Baik (GAHP), yang hendaklah menjadi sebahagian daripada Peraturan-Peraturan ini.

#### **Pembatalan pelan susun atur yang diluluskan**

32. (1) Apabila pelan susun atur diluluskan oleh Pengarah, pembinaan ladang unggas hendaklah bermula dalam masa satu tahun kalender.

(2) Ketidakpatuhan kepada Peraturan-Peraturan ini boleh mengakibatkan pembatalan kelulusan pelan tersebut dan lesen ditarik balik.

(3) Walau apapun subperaturan (1), Pengarah boleh melanjutkan tempoh pembinaan ladang unggas di bawah subperaturan 31(1) mengikut budi bicaranya.

(4) Mana-mana orang yang terkilan dengan—

(a) keengganan Pengarah untuk mengeluarkan atau memperbaharui apa apa pelan susun atur; atau

(b) penggantungan atau pembatalan apa-apa pelan susun atur,

boleh, dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh dimaklumkan secara bertulis berkenaan dengan keengganan, penggantungan ataupun pembatalan itu, merayu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri terhadap keputusan itu.

(5) Pihak Berkuasa Negeri boleh, selepas menimbangkan rayuan di bawah subperaturan (4), membentarkan atau menolak keputusan yang dirayu terhadapnya, dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri itu hendaklah muktamad.

#### **Zon penampnan ladang unggas**

33. (1) Zon penampnan ladang unggas bagi ladang unggas baru hendaklah melingkungi dan mengelilingi seluruh ladang unggas dan hendaklah tidak kurang daripada dua ratus (200) meter, melainkan jika diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Bagi ladang unggas sedia ada, ladang itu hendaklah mengikut jarak sedia ada sebelum Peraturan-Peraturan ini diwartakan.

(3) Aktiviti dan pembangunan yang bersesuaian boleh dibenarkan di dalam zon penampang ladang unggas dengan kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.

### **Pelepasan efluen**

34. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan kedudukan tempat pelepasan efluen hendaklah tertakluk kepada penentuan yang dibuat oleh Pengarah.

(2) Kedudukan dan reka bentuk aliran keluar pada tempat pelepasan efluen ke dalam mana-mana pengairan daratan atau ke atas mana-mana tanah sebagaimana yang ditentukan dalam subperaturan (1) tidak boleh diubah atau ditukar tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Pengarah terlebih dahulu.

(3) Kepekatan parameter efluen yang dilepaskan atau yang akan dilepaskan, hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan ini.

(4) Bagi maksud peraturan ini, prosedur bagi mengambil sampel bagi analisis kimia hendaklah seperti yang ditentukan oleh Pengarah.

### **Sistem pengurusan dan rawatan efluen**

35. (1) Sistem rawatan efluen hendaklah didirikan oleh pemegang lesen dengan merangkumi sistem biogas atau sistem kolam kumbahan yang merangkumi proses pengasingan pepejal dan rawatan aerobik atau rawatan anaerobik.

(2) Sistem rawatan yang dinyatakan dalam subperaturan (1) boleh ditambah baik dengan rawatan-rawatan tambahan yang boleh memperbaiki hasil rawatan efluen ladang unggas dengan kebenaran Pengarah.

(3) Kolam efluen hendaklah bersimen keseluruhan dengan keluasan yang boleh menampung efluen pengeluaran yang bersesuaian dengan populasi unggas di ladang.

(4) Bagi maksud peraturan ini, sistem pengurusan dan rawatan efluen hendaklah mengikut apa-apa garis panduan sedia ada seperti yang ditetapkan oleh Pengarah.

### **Peraturan piawaian menganalisis efluen**

36. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, pelepasan efluen ke dalam mana-mana pengairan daratan hendaklah mengikut apa-apa undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan pelepasan efluen yang sedang berkuat kuasa.

### **Had parameter efluen yang dilepaskan ke dalam pengairan daratan**

37. (1) Mana-mana pemegang lesen yang melepaskan efluen dari ladang unggas yang mengandungi bahan-bahan yang mempunyai kepekatan lebih besar daripada nilai yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (1), lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen boleh dibatalkan oleh Pengarah jika pemegang lesen telah didapati bersalah dengan undang-undang yang sedang berkuat kuasa berhubungan dengan pelepasan efluen.

### **Pelupusan sisa**

38. Pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab—

- (a) memastikan tempat khas pelupusan sisa disediakan dan diselenggara dengan baik;
- (b) melupuskan dengan segera unggas mati dan sampah sarap dengan cara ditanam atau dibakar menggunakan tempat pembakaran;
- (c) memungut dan mengendalikan dengan cara yang betul karkas unggas untuk mengelak kemungkinan menjadi punca merebaknya penyakit;
- (d) memastikan kaedah pelupusan karkas unggas, sampah sarap dan sisa ladang yang lain tidak menyebabkan pencemaran persekitaran atau mengganggu kesejahteraan awam; dan
- (e) memastikan tiada kumbahan sisa unggas dilepaskan ke pengairan daratan tanpa melalui proses rawatan.

### **Pengkompaunan kesalahan**

39. (1) Apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan kompaun oleh Pengarah dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, dengan membayar kepada Pengarah suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh (50) peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Arahuan mengkompaun hendaklah dikeluarkan dengan menggunakan Borang C dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan ini.

(3) Penerimaan tawaran pengkompaunan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang D dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan ini.

## **BAHAGIAN VI**

### **KUASA PENGARAH**

### **Kuasa Pengarah untuk memberi arahan**

40. Pengarah boleh, bagi maksud menjamin kesihatan awam, mencegah kemudaran harta awam dan pencemaran alam sekitar, mengeluarkan apa-apa arahan secara bertulis kepada pemunya ladang atau pemegang lesen selaras dengan kehendak Enakmen atau Peraturan-Peraturan ini.

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

**Pengecualian dan peralihan**

41. (1) Semua pemunya ladang unggas yang sedia ada hendaklah memohon lesen penternakan unggas dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pengarah boleh, mengikut budi bicaranya menolak mana-mana permohonan yang dibuat selepas tamat tempoh tersebut.

(3) Tertakluk kepada seksyen 47 Enakmen, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengikut budi bicaranya mengecualikan mana-mana ladang unggas sedia ada daripada mana-mana peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Borang A 1/2

## JADUAL PERTAMA

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI PULAU PINANG) 2020  
PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN PERLADANGAN UNGGAS

## (NEGERI PULAU PINANG) 2022

[Peraturan 3]

## BORANG A

## PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN PERLADANGAN UNGGAS

Saya/ Kami yang bertandatangan di bawah dengan ini memohon lesen menurut peruntukan-peruntukan Enakmen Perladangan Unggas 2020 dan Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2022, bagi maksud itu memberi butir-butir berikut:

## BUTIRAN PEMOHON

NAMA PEMOHON:

NOMBOR KAD PENGENALAN:

## BUTIRAN SYARIKAT

NAMA SYARIKAT:

NO. PENDAFTARAN SYARIKAT:

ALAMAT SURAT MENYURAT (ALAMAT YANG AKAN DILETAKKAN DI DALAM LESEN):

ID PREMIS: ALAMAT E-MEL:

NO. TELEFON: NO. TELEFON PEJABAT:

NO. FAKS:

## BENTUK PERNIAGAAN: MILIK TUNGGAL / SYARIKAT / PERKONGSIAN

## BUTIRAN LADANG

LOKASI: DAERAH:

LUAS KAWASAN (HA): KAPASITI LADANG:

NO. LOT TANAH: STATUS TANAH:

KOORDINAT GPS: E: N:

## AKTIVITI PENTERNAKAN

JENIS UNGGAS: AYAM/ ITIK/ BURUNG PUYUH/ LAIN-LAIN (Nyatakan).....

JURUSAN DAN AKTIVITI: PEDAGING/ PENELUR/ PEMBIAKAN/ PENETASAN

## Borang A 2/2

KELUASAN KESELURUHAN REBAN (METER PERSEGI):	
BILANGAN REBAN:	
POPULASI UNGGAS:	
BAKA UNGGAS:	
BILANGAN PUSINGAN SETAHUN:	
PENGELUARAN SETAHUN (EKOR/ BIJI):	
SUMBER BEKALAN MAKANAN TERNAKAN:	
NO. SIJIL MYGAP (JIKA ADA):	
NO. SIJIL HOMEMIXER (JIKA ADA):	
Sila kepilkan bersama:	
<ul style="list-style-type: none"> <li>i. pelan susun atur yang menunjukkan sempadan lot, dimensi keseluruhan struktur fizikal untuk penternakan unggas (panjang dan lebar) termasuklah rumah kediaman, kilang makanan, stor makanan, kolam air dan struktur-struktur lain yang sedia ada dan kemudahan pengolahan sisa yang dicadangkan. Pelan susun atur hendaklah tepat bagi struktur orientasi dan dimensi serta diperakuan oleh pemohon; dan</li> <li>ii. salinan geran tanah.</li> </ul>	
<p>Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar.</p> <p>Tandatangan Pemohon:</p> <p>Nama Pemohon:</p> <p>Jawatan Pemohon:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Cap Syarikat:</p> <p>No. Siri:</p>	

## JADUAL PERTAMA

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2020PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN  
PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI PULAU  
PINANG) 2022

[Peraturan 4]



## BORANG B

LESEN PERLADANGAN UNGGAS  
TAHUN 20.....

Gambar  Penternak	No. Lesen:
	No. Pendaftaran Premis:
	No. Resit:
	Fi Lesen (RM):
	Tarikh Luput Lesen:
Untuk penternakan unggas tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 dan Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2022 dengan apa-apa sekatan dan syarat yang dinyatakan:	
NAMA:	
ALAMAT:	
NO. TELEFON:	NO. FAKS:
ALAMAT E-MEL:	
NO. GPS:	
JENIS UNGGAS:	
JURUSAN DAN AKTIVITI:	
POPULASI UNGGAS (EKOR):	
PENGELUARAN SETAHUN (EKOR/ BIJI):	
SEKATAN-SEKATAN/ SYARAT-SYARAT LAIN:	
..... .....	
Tarikh: .....	Tandatangan: ..... (Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang)

\*LESEN INI TIDAK BOLEH DIPINDAH MILIK

**JADUAL PERTAMA**  
**ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS 2020**  
**PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN PERLADANGAN UNGGAS**  
**(NEGERI PULAU PINANG) 2022**

[Subperaturan 39(2)]

**BORANG C**

<b>ARAHAN MENGKOMPAUN KESALAHAN</b>		
Kepada:		
Rujukan:		
Semasa pemeriksaan dijalankan, Jabatan mendapati tuan melakukan kesalahan berikut:		
Peruntukkan undang-undang yang berkenaan:		
Tarikh:	Masa: pagi/ petang	
Tempat:		
Maklumat tambahan:		
2. Dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepada saya di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020, saya menawarkan untuk mengkompaun kesalahan untuk jumlah Ringgit Malaysia: ..... (RM.....). Jika tawaran ini diterima, bayaran boleh dibuat melalui wang tunai dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kompaun ini dikeluarkan. Bayaran hendaklah dibuat di Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang. Resit rasmi akan dikeluarkan.		
3. Tawaran ini akan luput pada ..... Jika pembayaran penuh jumlah yang dinyatakan di atas gagal diterima pada atau sebelum tarikh tersebut, pendakwaan akan dimulakan terhadap kamu menurut Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Pulau Pinang) 2020 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.		
Tarikh: ..... Pengarah/ Pegawai Pelesen		

**JADUAL PERTAMA****ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI PULAU PINANG) 2020  
PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN PERLADANGAN UNGGAS**

(NEGERI PULAU PINANG) 2022

[Subperaturan 39(3)]

**BORANG D****PENERIMAAN TAWARAN MENGOMPAUN**

Kepada:

Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Negeri Pulau PinangSaya ..... No. Kad Pengenalan .....  
merujuk kepada tawaran kompaun kesalahan di bawah rujukan No.  
..... bertarikh .....Dengan ini, saya menerima tawaran kompaun tersebut dan bersama-sama ini dilampirkan  
wang tunai sebanyak Ringgit Malaysia .....  
(RM.....) sebagai penjelasan penuh kompaun.

Tarikh: ..... Tandatangan : .....

Nama (Huruf Besar) : .....

Alamat dan Kod Iadang: .....

No. Pengenalan Premis: .....

## Borang E 1/2

## JADUAL PERTAMA

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI PULAU PINANG) 2020

PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2022

[Subperaturan 11(1)]

## BORANG E

PENYERAHAN LAPORAN TAHUNAN	
SEKSYEN 1: Untuk diisi oleh Pemegang Lesen	
Tahun laporan:	
Maklumat pemilik ladang	Maklumat Ladang
Nama:	Nama ladang:
No. Kad Pengenalan:	Kod ladang/ No. Pengenalan Premis:
Alamat:	No. GPS:
	No. Pendaftaran Perniagaan:
Poskod:	Alamat:
Kawasan:	No. lesen:
No. Telefon:	Status lesen:
Faks:	Tarikh lesen dikeluarkan:
No.Telefon Bimbit:	Tarikh luput lesen:
POPULASI UNGGAS	
Populasi unggas (ekor):	
Ruang pemeliharaan/ Jumlah Keluasan Reban (meter persegi):	
Keluasan (meter persegi) per ekor:	
SUSUN ATUR LADANG UNGGAS DAN PENGURUSAN BUANGAN	
1. Adakah apa-apa perubahan kepada kemudahan susun atur dalam tempoh laporan?	Ya/ Tidak Jika Ya, lampirkan bersama dengan jawapan.
2. Adakah apa-apa cadangan untuk menukar pelan susun atur, ruang pemeliharaan atau sistem pengolahan sisa dalam tempoh yang berikutnya?	Ya/ Tidak Jika Ya, lampirkan bersama dengan jawapan.

**Borang E 2/2**

Saya dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar.

Tarikh: .....

.....  
(Nama Pemohon)

.....  
(Tandatangan Pemohon)

**Cap Syarikat (Jika berkenaan)**

**SEKSYEN 2 (Untuk diisi oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang)**

Penemuan:

Kebersihan ladang

Baik

Memuaskan

Kurang Baik




Pengolahan sisa

Baik

Memuaskan

Kurang Baik




Arahan/ tindakan:

.....  
.....  
.....

Permohonan disokong/ tidak disokong (Potong mana yang tidak berkenaan)

Tarikh: .....

Tandatangan: .....

(Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang)

Borang F 1/2

## JADUAL PERTAMA

**ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI PULAU PINANG) 2020**  
**PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN PERLADANGAN UNGGAS**  
**(NEGERI PULAU PINANG) 2022**  
**[Subperaturan 12(1)]**

**BORANG F**  
**REKOD LADANG UNGGAS**

<b>SEKSYEN 1: DIIISI OLEH PEMEGANG LESEN</b>							
<b>LAPORAN BULANAN</b>							
Bulan : .....							
Nama ladang: .....	Kod ladang: .....						
No. Pengenalan Premis: .....							
<b>REKOD POPULASI UNGGAS DALAM LADANG UNGGAS</b>							
Jenis Unggas	Bilangan Unggas Semasa	Pengeluaran Telur (biji)	Penjualan (ekor)	Mati (ekor)	Singkir (ekor)	Baki (ekor)	Catatan
Populasi <i>Layer</i>							
Populasi <i>Broiler</i>							
Populasi <i>Breeder</i>							
Unggas-unggas lain							
Jumlah							
<b>REKOD PROGRAM VAKSINASI DI LADANG</b>							
Tarikh	Jenis vaksin	Tarikh		Bil. unggas	Tarikh dos seterusnya		Catatan

**Borang F 2/2**

<b>REKOD PEMANTAUAN PENYAKIT</b>					
Tarikh	Jenis penyakit/ Simptom		Bil. sakit	Bil. mati	Nama Ubat dan Dos
					Catatan (Tarikh Penghantaran Sampel/ Laporan Makmal/ Keputusan)

<b>REKOD PENYELENGGARAAN DAN PEMBERSIHAN LADANG (TANDAKAN ( / ))</b>							
Tarikh	Longkang	Pagar	Reban	Sistem Pengolahan Sisa	Rumput	Bumbung	Lain-lain

Disediakan oleh:

Disahkan oleh:

(Tandatangan pemegang lesen)

(Tandatangan Pengarah)

## JADUAL PERTAMA

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI PULAU PINANG) 2020  
 PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN PERLADANGAN UNGGAS  
 (NEGERI PULAU PINANG) 2022  
 [Subperaturan 10(2)]

## BORANG G

PERMOHONAN PENDAFTARAN PREMIS						
MAKLUMAT PREMIS						
Klasifikasi Premis*:						
Nama Premis:						
Alamat Premis:						
Poskod:						
Status Pemilikan Premis:	Individu/	Kerajaan/	Berkanun/	Kumpulan/	Syarikat (ROC: _____)	
No VHM/ MyGap/ GVHP (jika ada):						
Tahap Usahawan*:						
No.Gps:						
MAKLUMAT PEMILIK PREMIS			MAKLUMAT WAKIL PREMIS UNTUK DIHUBUNGI			
Nama Pemilik:	Pegawai Dihubungi:					
No. Kad Pengenalan:	Jawatan:					
Jantina: Lelaki/ Perempuan	Alamat:					
No.Telefon:						
No. Pasport:	Poskod:					
Bangsa: Melayu/ Cina/ India/ Lain-lain	No.Tel:					
Warganegara:	No.Tel Bimbit:					
Status Perkahwinan:	No. Faks:					
Tahap Pendidikan:	E-mel:					

Borang G 2/3

<b>KENYATAAN PROJEK</b>			
<b>Jenis Ternakan</b>			
Bil.	Jenis Ternakan/ Produk	Bilangan	Unit
<b>Hasil Premis</b>			
Bil.	Hasil Ternakan/ Produk	Bilangan	Unit
<b>Kaedah Pemeliharaan*</b>			
Bil.	Kaedah Pemeliharaan	Bil. Unit	Catatan
1.	Sistem Reban Tertutup		
2.	Sistem Reban Terbuka		
	Jumlah		
<b>Daftar Pengangkutan</b>			
Bil.	Jenis Pengangkutan	No.Pendaftaran Kenderaan	Penggunaan Pengangkutan

## Borang G 3/3

Senarai Pengenalan Ternakan**				
Bil.	No. Pengenalan	Jenis ID	Kategori Ternakan	Jantina J/ B/ Lain-lain
Status Tanah: Kerajaan/ Sendiri/ Sewa/ Kebenaran-kebenaran lain				
Keluasan Premis (Hektar/ Ekar):		Tarikh Mula Beroperasi:		
Bil. Doktor Veterinar:				
Bil. Pekerja Tempatan: (L) (P)		Bil. Pekerja Asing: (L) (P)		
Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar.				
Tandatangan Pemohon: .....		Tarikh: .....		
Nama Pemohon : .....				
Jawatan Pemohon : .....				
Cap Syarikat : .....				
UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA				
Tarikh Permohonan Diterima:				
Keputusan Permohonan: Diterima/ Ditolak				
No. Pendaftaran:				
Catatan:				
Tandatangan Pegawai:				
Nama Pegawai : .....				
Tarikh : .....				
Cap : .....				

**JADUAL PERTAMA**

**ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2020**  
**PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN**  
**PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2022**



[Subperaturan 10(4)]

**BORANG H**

**PERAKUAN PENDAFTARAN PREMIS**

Gambar Penternak	No. Siri: No. Pendaftaran Premis:
NAMA:	
NO. ID:	
ALAMAT:	
NO. TELEFON:	NO. FAKS:
E-MEL:	
NO. GPS:	
JENIS UNGGAS:	
JURUSAN DAN AKTIVITI:	
POPULASI UNGGAS (EKOR):	
PENGELUARAN SETAHUN (EKOR/ BIJI):	
<b>SIJIL INI TIDAK BOLEH DIPINDAH MILIK. SYARAT-SYARAT KHAS.</b>	
Tarikh perakuan: .....	Tandatangan: ..... (Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang)

**JADUAL KEDUA****ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2020****PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2022**

[Peraturan 5]

**PENGGREDIAN LADANG UNGGAS**

Kategori	Kriteria	Tempoh Lesen
A	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Telah menaik taraf kepada sistem kandang tertutup sepenuhnya</li> <li>2. Mengamalkan kumbahan sifar, efluen dan sisa najis diselenggara dengan baik dan mempunyai indeks lalat yang mematuhi piawaian yang ditetapkan</li> <li>3. Mengamalkan Amalan Penternakan yang Baik iaitu mempunyai sistem biosekuriti, rekod-rekod, kawalan penyakit dan kawalan pencemaran yang berkesan</li> <li>4. Markah Penilaian Pemeriksaan Ladang Unggas 90–100 markah</li> </ol>	3 tahun
B	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Telah menaik taraf kepada sistem kandang tertutup sepenuhnya</li> <li>2. Mengamalkan kumbahan sifar, efluen dan sisa najis diselenggara dengan baik dan mempunyai indeks lalat yang mematuhi piawaian yang ditetapkan</li> <li>3. Mengamalkan Amalan Penternakan yang Baik iaitu mempunyai sistem biosekuriti, rekod-rekod, kawalan penyakit dan kawalan pencemaran yang perlu diperbaiki</li> <li>4. Markah Penilaian Pemeriksaan Ladang Unggas 80–89 markah</li> </ol>	2 tahun
C	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ladang unggas yang telah menaik taraf sepenuhnya kepada sistem kandang tertutup atau dalam proses menaik taraf dan ladang unggas yang tidak menaik taraf kepada sistem penternakan moden</li> </ol>	1 tahun

Kategori	Kriteria	Tempoh Lesen
	<p>2. Tidak mengamalkan kumbahan sifar, efluen dan sisa najis tidak diselenggara dengan baik dan mempunyai indeks lalat yang melebihi piawaian yang ditetapkan</p> <p>3. Tidak mengamalkan Amalan Penternakan yang Baik iaitu tidak mempunyai sistem biosekuriti, tiada rekod-rekod, tiada kawalan penyakit dan tiada kawalan pencemaran di ladang unggas</p> <p>4. Ladang unggas yang menternak unggas hiasan, ayam kampung Malaysia, ayam kampung <i>colored broiler</i> dan itik lepas bebas berkapasiti kurang daripada 10,000 ekor dan burung puyuh kurang daripada 20,000 ekor</p> <p>5. Markah Penilaian Pemeriksaan Ladang Unggas kurang daripada 80 markah</p>	

### JADUAL KETIGA

#### ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI PULAU PINANG) 2020

#### PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN PERLADANGAN UNGGAS (NEGERI PULAU PINANG) 2022

[Peraturan 34 dan 37]

#### HAD PARAMETER BAGI PELEPASAN EFLUEN

Parameter (1)	Pelepasan ke dalam pengairan daratan/ke atas tanah (2)
Keperluan Oksigen Kimia hayat (B.O.D) 5 hari, 20°C mg/l	50
Keperluan Oksigen Kimia (C.O.D) mg/l	500
Pepejal-pepejal ampaian mg/l	100

\*Pihak Berkuasa Negeri boleh mengkaji semula parameter/pematuhan piawaian.

Dibuat pada:

JADUAL KEEMPAT

ENAKMEN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2020

PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN PERLADANGAN UNGGAS  
(NEGERI PULAU PINANG) 2022

[Subperaturan 19(1)]

BARANG YANG DILARANG

Antibiotik, hormon dan bahan kimia terlarang:

(I) A. Antibiotik:

- (1) *Avoparcin*
- (2) *Nitrofurans:*
  - (a) *Nitrofurantoin*
  - (b) *Nitrofurazon*
  - (c) *Furozolidone*
  - (d) *Furaltadone*
- (3) *Teicoplanin*
- (4) *Vankomisin*
- (5) *Carbadox*
- (6) *Olaquindox*
- (7) *Choramphenicol*

(II) B. Hormon:

- (1) *Dietilstilbestrol*
- (2) *Dienestrol*
- (3) *Heksestrol*
- (4) *Agen antitiroïd*

(III) C. Bahan-bahan kimia lain:

- (1) *Pestisid: Cyromazine*

---

(2) Ubat-ubatan selain antibiotik

(3) *Beta agonists:*

(a) *Salbutamol*

(b) *Terbutaline*

(c) *Clenbuerol*

(d) *Fenoterol*

(e) *Salmeterol*

(f) *Bambuterol HCl*

(g) *Bitolterol Mesilate*

(h) *Broxaterol*

(i) *Eformoterol fumarate*

(j) *Pirbuterol HCl*

(k) *Procaterol HCl*

(l) *Reproterol HCl*

(m) *Rimiterol Hbr*

(n) *Tretoquinol HCl*

(o) *Tulobuterol HCl*

(p) *Dapson*

(q) *Klorpromazin*

(r) *Kloroform*

(s) *Kolkisin*

(t) *Nitroimidazole*

(aa) *Dimetridazole*

(bb) *Ipronidazole*

(cc) *Metronidazole*

(dd) *Ronidazole*

(u) *Klorofluorokarbon*

(IV) Lain-lain:

(1) *Leucomalachite green*

(2) *Crystal violet*

Dibuat pada 30 Mei 2022

[VPP 04/31 Jld 44; PUNPP 352/100/1/2/SUB/82]

MUHAMAD AZRAI BIN MOHAMAD ZAINI

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*

*Pulau Pinang*

---

**POULTRY FARMING (STATE OF PENANG) ENACTMENT 2020****POULTRY FARMING CONTROL (STATE OF PENANG) REGULATIONS 2022**

---

---

**ARRANGEMENT OF REGULATION**

---

**PART I****PRELIMINARY****Regulation**

1. Short title and commencement
2. Interpretation

**PART II****LICENSING AND REGISTRATION OF POULTRY FARM**

3. Application for license
4. Issuance of license
5. Duration of license
6. Compliance with condition and restriction imposed on the license
7. Fee
8. Transfer of license
9. Renewal of license
10. Registration of premise

**PART III****SUBMISSION OF ANNUAL REPORT**

11. Submission of annual report
